

SENTIASA TAHAN LASAK

■ Sarawanan tak boleh lupa selamatkan kanak-kanak Orang Asli kena air panas

HATI BESI

Kalidevi Mogan Kumarappa
kalidevi@hmetro.com.my

Menerbangkan kanak-kanak perempuan Orang Asli berusia lima tahun yang melecur mata kiri selepas terkena air panas antara penerbangan ihsan sukar dilupakan personaliti Hati BESI minggu ini.

Kuartermaster Udara, Pegawai Bomba Kanan II Sarawanan Kandasamy, 36, berkata, penerbangan ihsan itu antara yang menyayat hati apabila kanak-kanak itu dikejarkan ke Hospital

Gua Musang (HGM), pada Juh tahun lalu.

Katanya, Yaran Jali dari Kampung Chemal, Pos Belatim dihantar ke HGM dengan pesawat helikopter Agusta AW139 dari Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pangkalan Bertam.

Katanya, sebak menerima arahan Pangkalan Udara Subang mengenai laporan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Gombak berhubung kanak-kanak itu, mereka berlepas dari pangkalan kira-kira jam 2.30 petang.

"Penerbangan ke Kampung Chemal mengambil masa 40 minit dan pesawat

mendarat di pekarangan Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang jam 3.25 petang sebelum mangsa

dihantar ke HGM dengan ambulans," katanya menceitakan kembali detik untuk

menyelamatkan kanak-kanak itu.

Selain penerbangan ihsan menyelamatkan pesakit Orang Asli kritikal di pedalaman, dia bersama pasukannya pernah membawa turun mangsa yang terkanas di Bukit Bendera akibat tanah runtuh, dan lain-lain yang memerlukan bantuan segera.

Mengulas lanjut mengenai pembabitannya dalam bidang kebajikan, Sarawanan berkata, minat se-

jak bella lagi yang membuatkan dia memilih kerjaya itu walaupun sedar berdepan latihan tahan lasak.

"Kerjaya sebagai anggota bomba dan penyelamat agak mencabar kerana ia tidak saja menguji kesabaran seseorang, malah perlu berani menghadapi pelbagai risiko dalam apa jua keadaan.

"Selain sentiasa tahan lasak, kami turut dilatih berada dalam keadaan siap sedia sepanjang 24 jam anggota pasukan berpakaian seragam lain iaitu tentera dan polis," katanya kepada Metro Ahd.

Menurutnya, menyertai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sejak 2004 adalah keputusan yang tepat dan dilakukan dengan penuh keikhlasan.

Katanya, sejak kali pertama menjadi bomba dia memasang impian memberi 100 peratus komitmen dalam latihan.

Sarawanan yang berasal dari Kulim, Kedah berkata, perasaan teruja memang tidak dapat diungkap dengan kata-kata kerana diterima masuk menyertai pasukan itu, sekali gus mencapai impiannya selama ini.

Katanya, kecanggihan peralatan yang serba baru dan mengagumi latihan yang cukup mantap termasuk skuba dan unit udara diberikan JBPM mendorongnya menyertai jabatan itu.

"Saya meminati kerjaya ini kerana amat cenderung dengan jiwa yang selalu membantu orang ketika dalam kesusahan dan sudah tiba masanya buat saya berkhidmat untuk masyarakat.

"Kami juga melakukan operasi pesakit yang perlu melakukan pembedahan segera ke hospital. Selain itu, kami juga melakukan penerbangan ihsan membawa pesakit-pesakit kritikal terutamanya di perkampungan Orang Asli. Ini adalah sumbangan kami kepada masyarakat," katanya.

PROFIL

Nama: Sarawanan Kandasamy
Umur: 36 tahun
Pendidikan: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
Tugas: Kuartermaster Udara di Unit Udara Balai Bomba Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang
Pencapaian: Anugerah Khidmat Cemerlang 2017
Asal: Kulim, Kedah.

